

02/09/2000

Gegaran Nur janji terus berjuang

Nor Affizar Ibrahim

WALAUPUN sambutan Hari Wanita yang bertemakan, Wanita 2000 - Nur Bermula Denganmu sudah berakhir minggu lalu, kehangatan dan bahangnya masih terasa.

Suara wanita Malaysia merdeka, bijak, progresif dan bersemangat tinggi untuk memperkasakan golongan hawa di negara ini, masih terus terngiang-ngiang kedengaran. Seluruh tenaga dan buah fikiran yang disumbangkan bagi menjayakan semua program sempena sambutan wanita begitu memberangsangkan.

Sekali gus, ia turut mencerminkan keyakinan bahawa wanita di negara ini sudah semakin bersedia mencari kekuatan dalam diri sendiri bagi memperolehi keupayaan, potensi dan pengetahuan untuk memajukan diri. Dengan adanya keyakinan itu juga, wanita mungkin mampu meningkatkan lagi sumbangan kepada pembangunan negara dan merobohkan sekatan yang masih menghalang pembangunan sepenuhnya wanita pada alaf baru.

Antara acara Hari Wanita yang penuh bermakna, Persidangan Wanita 2000 anjuran Jabatan Hal Ehwal Wanita (Hawa) dan Majlis Penasihat Kebangsaan Mengenai Integrasi Wanita Dalam Pembangunan (Naciwid). Persidangan yang diadakan dua hari pada 17 dan 18 Ogos lalu itu, dianggap paling memberikan kesan. Ia bukan saja simbol penyatuan di kalangan wanita semua peringkat tetapi turut melambangkan ikatan yang lebih jitu.

Pada persidangan itu, lebih 40 isu dikupas dan dibincangkan. Hari pertama, ia membincangkan isu dan masalah politik, perpaduan, pendidikan asas dan literasi, membasmi kemiskinan, hak asasi manusia, agama dan pertanian serta pembangunan luar bandar.

Isu dan masalah lain yang turut tidak ketinggalan dibincangkan ialah keusahawanan, pelancongan dan kebudayaan, pengajian tinggi, media massa dan teknologi termasuk IT.

Pada hari kedua pula, isu dan masalah yang dibincangkan merangkumi kesenian, pekerjaan, kewangan dan perbankan, eksploitasi dan perdagangan seks, pembangunan keluarga, kepimpinan dan membuat keputusan.

Selain itu, hal berkaitan kesihatan dan ketuaan, sains dan penyelidikan, perkhidmatan awam, peranan dan kerjasama NGO, alam sekitar dan perumahan serta sukan juga menjadi bahan perbincangan pada persidangan itu.

Persidangan yang berjaya menghimpunkan lebih 400 peserta wanita dari segenap lapisan, menghasilkan pelbagai cadangan dan pandangan untuk tindakan semua pihak termasuk agensi kerajaan berkaitan, badan swasta dan sukarela serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Antara rumusan paling penting pada persidangan itu ialah menggesa kerajaan menimbang mewujudkan kementerian khas bagi menjaga hal ehwal wanita, keluarga dan kanak-kanak. Mengikut kata sepakat yang dicapai pada persidangan itu, penubuhan kementerian itu wajar dan bersesuaian bagi menjamin kesinambungan pembangunan rakyat dan negara.

Satu lagi rumusan penting yang dicapai ialah meminta belanjawan gender dalam Rancangan Malaysia Kelapan (RM-8) untuk kemudahan pusat asuhan bayi dan kanak-kanak kecil, keselamatan sosial untuk wanita dan suri rumah.

Dua permintaan itu dilihat amat bertepatan pada masanya. Gelombang perubahan pada masa kini menyebabkan wanita juga perlu menetapkan hala tuju masing-masing. Selain itu, peranan wanita di negara ini adalah sama dinamik persekitaran mereka. Sehubungan itu, adalah penting untuk mengiktiraf ciri-ciri ini.

Pengumuman Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengenai kesediaan kerajaan menimbang cadangan supaya diwujudkan kementerian berkenaan pada

kemuncak perayaan Hari Wanita, Isnin lalu, memberikan harapan dan kelegaan kepada wanita di negara ini.

Apa yang lebih menyuntik semangat wanita, Perdana Menteri turut memberikan pandangan positif terhadap pelbagai tuntutan lain. Mengikut beliau, tuntutan itu adalah munasabah, sederhana dan tidak keterlaluan serta dibuat penuh sopan santun.

Secara keseluruhan, sambutan Wanita 2000 adalah satu lagi peristiwa bersejarah kerana ia langkah permulaan ke alaf baru iaitu ke satu abad yang penuh cabaran dan harapan kepada wanita. Diharapkan, semua program yang diadakan sepanjang sambutan itu tidak terhenti pada hari terakhir sambutan. Sebaliknya, `gegaran nur' yang bermula pada 25 Ogos lalu, akan terus menjadi kesinambungan perjuangan wanita dalam usaha memantapkan diri pada masa depan.